

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK SHAARY
KAWASAN : PENKALAN CHEPA**

SOALAN :

YB TUAN AHMAD MARZUK SHAARY minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha dan perancangan untuk menaik taraf Lebuh Raya Timur Barat khasnya melibatkan laluan Titiwangsa yang terlalu daif dan sangat merbahaya untuk kenderaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Timur Barat dari Gerik ke Pasir Puteh merupakan Jalan Persekutuan FT04 yang telah siap pembinaanya sejak 1982. Berdasarkan semakan melalui dua (2) stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service*, LOS) berada pada tahap LOS A iaitu aliran trafik bebas dan lancar. Sehubungan itu, tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan aliran trafik pada jalan sedia ada masih lancar serta masih lagi mampu menampung kapasiti jalan sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini sentiasa prihatin tentang keadaan dan keselamatan jalan raya. Justeru, kerja-kerja penyelenggaraan jalan berterusan yang melibatkan penyelenggaraan rutin dan berkala dilaksanakan bagi memastikan tahap keselamatan jalan sedia ada sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

Sekian, terima kasih.